



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7043
: 03-5544 7045
Fax : 03-5510 3062

‘KEJUJURAN DAN KETEKUNAN’
‘PRODUKTIVITI TINGGI AMALAN KITA’



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (17) dlm.IPK.SEL.
BK.20684/135

Tarikh : *Us* Ogos 2010

Semua Ahli Majlis Mesyuarat (EXCO)
Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ahli Dewan Negeri Selangor

Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Semua Anak Syarikat
di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

YB Dato' / YAD Dato' Setia /
YBhg Dato' / Datin Paduka / Tuan / Puan,

PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BILANGAN 2 TAHUN 2010

ARAHAN PENGHENTIAN PENGELUARAN SURAT SOKONGAN BAGI KONTRAK KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara tersebut
di atas.

2. Berikut dilampirkan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 2010 berkenaan perkara di atas. Sebagai tambahan, salinan lembut (*softcopy*) Pekeliling ini boleh dimuat turun di Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Selangor mulai daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

3. Justeru, YB Dato' / YAD Dato' Setia / YBhg Dato'/ Datin Paduka / Tuan / Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian tentang butiran keseluruhan yang terkandung pada Pekeliling tersebut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

s.k.

- YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- YB Penasihat Undang-undang Negeri Selangor
- YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan).
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan).
- Semua Ketua Bahagian/Seksyen (Pegawai-pegawai Kanan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
(Senarai seperti di lampiran)
- Fail Timbul.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 2 TAHUN 2010**

**ARAHAN PENGHENTIAN PENGELUARAN SURAT SOKONGAN BAGI
KONTRAK KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 27/2010 yang telah diadakan pada 28 Julai 2010 berhubung penghentian pengeluaran surat sokongan bagi kontrak kerja, bekalan dan perkhidmatan Negeri Selangor.

DASAR KERAJAAN NEGERI SELANGOR

2. Selaras dengan dasar Kerajaan Negeri Selangor yang mengutamakan aspek keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan (*Competency, Accountability and Transparency*), semua YB Ahli Majlis Mesyuarat (EXCO), YB Ahli Dewan Negeri serta Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diarahkan supaya **tidak mengeluarkan** surat sokongan bagi mendapatkan kontrak kerja, bekalan dan perkhidmatan Kerajaan Negeri.

3. Walaubagaimanapun, surat sokongan berunsurkan kebajikan adalah dibenarkan dengan tujuan untuk membantu golongan orang yang tidak berkemampuan berdasarkan kelayakan dan merit yang telah ditetapkan.

4. Bagi melaksanakan arahan ini, Datuk Bandar, Yang Dipertua dan agensi-agensi pelaksana Kerajaan Negeri diminta merekodkan dan menyimpan setiap surat sokongan yang dikemukakan supaya boleh dijadikan bukti dan diaudit serta dinilai keberkesanannya sekiranya timbul isu berkaitan.

5. Pelaksanaan dasar ini bermaksud jabatan/agensi Kerajaan Negeri yang menerima surat sokongan adalah **tidak terikat** dengan surat sokongan tersebut dalam proses membuat keputusan.


TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuatkuasa **serta merta** pada tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

7. Semua YB Ahli Majlis Mesyuarat (EXCO), YB Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis PBT, Jabatan Kerajaan Negeri, Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah (PTD), Pihak-pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Berkanun Negeri dan Anak-anak syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Selangor hendaklah mematuhi dan melaksanakan arahan yang tertakluk pada Pekeliling ini.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

16 Ogos 2010

Dikelilingkan kepada:-

YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor
YB Ahli Dewan Negeri Selangor
Semua Ketua Jabatan Negeri Selangor
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Selangor
Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor
Semua Datuk Bandar, Yang Dipertua, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor
Semua Anak syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

Salinan Kepada:-

YAB Dato' Menteri Besar Selangor
YB Penasihat Undang-undang Negeri Selangor
YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)
Semua Ketua Bahagian/Seksyen (Pegawai-pegawai Kanan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor